

SWCorp intip pihak buang sampah

PASIR GUDANG - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Johor akan melakukan intipan di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai lokasi longgokan sampah haram di sekitar kawasan ini.

Pengarah SWCorp Johor, Asri Amat berkata, tindakan terbabit diambil selepas orang ramai masih tidak mengendahkan nasihat serta amaran yang dikeluarkan pihaknya dengan membuang sampah di kawasan sama.

Katanya, SWCorp telah mengenal pasti sebanyak tujuh lokasi longgokan sampah haram di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

"Walaupun tindakan membersihkan longgokan kerap dilakukan, namun orang ramai masih membuang sampah di kawasan sama.

"Bagi mengelakkan perkara ini tidak berulang, kami akan melakukan intipan dari semasa ke semasa.

"Tindakan boleh dikenakan mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan ketika Operasi *Clean And Clear* Cawangan Pasir Gudang di Taman Kota Masai di sini semalam.